

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [ PASIR PUTEH ]**

**SOALAN**

**DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [ PASIR PUTEH ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian pihak Kerajaan Malaysia terhadap penindasan Kerajaan China terhadap masyarakat minoriti Muslim Uighur di Xinxiang, China memandangkan Malaysia sedang aktif bekerjasama dengan negara China khususnya dalam perdagangan antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Puteh di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pihak Kerajaan Malaysia sentiasa peka dan prihatin terhadap isu penindasan kaum minoriti yang berlaku, tidak kira di mana jua sekalipun. Ini termasuk laporan mengenai penindasan yang dikenakan terhadap kaum minoriti Uyghur (Wi-Gur) di China.

3. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan perlu berhati-hati dalam menyatakan pendiriannya agar tidak dilihat sebagai cuba untuk mencampuri urusan dalaman sesebuah negara.

4. Dalam hal ini, Kerajaan telah melaksanakan beberapa pendekatan sebagai usaha untuk menyuarakan keprihatinan rakyat Malaysia dalam isu ini. Antara pendekatan yang telah diambil adalah:

- 4.1 berbincang dengan Duta Besar China di Kementerian Luar Negeri untuk mendapatkan penjelasan mengenai isu yang melanda kaum minoriti Uyghur pada bulan Disember 2019 dan menekankan bahawa isu ini telah mendapat perhatian masyarakat antarabangsa, termasuk di Malaysia;
- 4.2 menghantar wakil Kedutaan Besar Malaysia di Beijing melawat Xinjiang (Shin-Jiang) pada 28 – 30 Disember 2018 bagi berkongsi pengalaman Malaysia dalam aspek menghormati kepelbagaian budaya dengan pihak berkuasa wilayah berkenaan;
- 4.3 mengatur lawatan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke Xi'an (Shi-An) dan Xinjiang (Shin-Jiang) dari 22 hingga 30 Jun 2019 bagi menzahirkan keprihatinan rakyat Malaysia terhadap isu ini dan kepentingan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat minoriti Muslim di China;
- 4.4 mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan *United Nations Human Rights Council* (UNHRC) untuk memastikan isu ini sentiasa mendapat perhatian yang sewajarnya; dan
- 4.5 menekankan kepada pihak China mengenai kepentingan *civilizational approach* dalam konteks pembangunan negara bagi memupuk persefahaman dan perpaduan di antara masyarakat berlainan budaya. Perkara ini telah disuarakan semasa ucapan perasmian saya di Majlis Sambutan Ulang Tahun ke 45 Penubuhan Hubungan Diplomatik Malaysia dan China di Hotel Shangri-La pada 25 April 2019.

Sekian, terima kasih.